

Bekas pengarah ICU JPM Pulau Pinang kekal dipenjara

PUTRAJAYA: Bekas Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Pulau Pinang, Mohd. Noor Rejab kekal dipenjara selepas Mahkamah Rayuan di sini semalam sebulat suara menolak rayuannya dan mengekalkan sabitan salah atas kesalahan membatalkan rasuah.

Bagaimanapun, lelaki berusia 60 tahun itu bernasib baik apabila panel tiga hakim yang diketuai Datuk Seri Kamaludin Md. Said dan bersidang bersama-sama Datuk Ahmad Nasfy Yasin dan Datuk Hashim Hamzah meminda hukuman penjara tiga tahun yang dikenakan terhadapnya sebelum ini kepada penjara 15 bulan.

Hukuman penjara tersebut diperintahkan berkuat kuasa semalam. Sebaik sahaja mahkamah berhenti bersidang, Mohd. Noor terus berpelukan dengan seorang wanita dipercayai anaknya.

Terdahulu, Hakim Kamaludin ketika membacakan penghakiman ringkasnya menyatakan, dapatan oleh mahkamah-mahkamah sebelum ini berdasarkan berdasar-

kan fakta dan tiada alasan yang ditemukan bagi membolehkan Mahkamah Rayuan mengganggu keputusan terdahulu.

Pada 18 Mei 2018, Mohd. Noor disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Georgetown atas kesalahan menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan dengan memperakukan baucar bayaran bagi pembekalan lot makmal untuk pembantu makmal di seluruh sekolah Pulau Pinang bernilai RM26,162.50 kepada Syarikat Nur Ehsan Maju Enterprise, yang turut mempunyai kepentingan terhadap dirinya.

Ketika melakukan kesalahan itu, Mohd. Noor memegang jawatan sebagai Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Pembangunan di Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan ini, Mohd. Noor didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang lebih tinggi.